

# Calon BN di Ketari pemimpin tempatan Pahang — Adnan

UM 6 MAR 2002

KUANTAN 5 Mac — Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, calon Barisan Nasional (BN) yang akan bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Ketari adalah daripada kalangan pemimpin tempatan Pahang.

Beliau berkata, beberapa nama sudah ada dalam bayangannya namun menjelaskan calon BN itu nanti akan ditentukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri.

"Saya juga sudah berhubung dengan Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Kheng Yaik melalui telefon semalam," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau ditemui pada majlis penyampaian Biasiswa Sekolah Rendah (BSR) dan Anugerah Pelajar Cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah.

Kerusi Dewan Undangan Negeri Ketari kosong selepas kematian wakil rakyatnya, Datuk Loke Koon Kam, Ahad lepas.

Mendiang Loke meninggal di rumahnya di Taman Sungai Marong, Bentong akibat penyakit barah rahang yang dihidapinya sejak dua tahun lalu.

Adnan menjelaskan bagi BN, pemilihan calon adalah tidak begitu penting tetapi yang lebih penting ialah

calon itu mestilah seorang yang sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat sebagaimana slogan BN sendiri.

Beliau menjelaskan, secara tradisinya calon BN bagi kerusi Ketari adalah dari Gerakan.

Ketika ditanya persediaan yang dibuat BN bagi menghadapi pilihan raya itu, beliau berkata, BN tidak mempunyai sebarang strategi tetapi hanya menumpukan usaha-usaha membantu rakyat.

"BN akan meneruskan usaha-usaha pembangunan dan menyelesaikan masalah rakyat di Ketari seperti yang dilakukan selama ini.

"Bukanlah menjadi amalan BN untuk hanya bekerja pada musim-musim pilihan raya seperti parti-parti pembangkang yang hanya aktif ketika itu," katanya.

Adnan berkata, semasa Loke sakit, beliau bersama Ahli Parlimen Bentong, Liaw Tiong Lai, Ahli Dewan Undangan Negeri Sabai, M. Davendran, Ahli Dewan Undangan Negeri Bilut, Hoh Khai Mun sentiasa membantunya menyelesaikan masalah rakyat.

Malahan, menurutnya, isteri mendiang, Datin Elice juga bersama-sama turun padang dalam beberapa majlis seperti membantu mangsa kebakaran dan sebagainya.